

06 OCT 2003

Zainudin-Chin Peng

ZAINUDIN KESAL DENGAN PIHAK TERTENTU MEMPERJUANG KEPULANGAN CHIN PENG

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainudin Maidin hari ini kesal dengan usaha pihak tertentu yang memperjuangkan supaya bekas Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya (PKM) Chin Peng balik ke Malaysia.

Beliau berkata ini kerana Chin Peng bukan wira yang memperjuangkan kemerdekaan negara tetapi beliau merupakan penganas yang telah banyak melakukan pembunuhan kejam terhadap penduduk negara ini semasa darurat.

"Kita kena ingat Chin Peng adalah komunis. Komunis tetap komunis. Mereka merupakan penderhaka dan pengkhianat negara," katanya pada sidang media selepas merasmikan Hari Kualiti 2003 peringkat Kementerian Penerangan di sini.

Zainudin berkata demikian bagi mengulas kenyataan Pengerusi DAP Lim Kit Siang yang meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya membenarkan Chin Peng kembali ke Malaysia sebelum beliau bersara daripada jawatan Perdana Menteri akhir Oktober ini.

Beliau juga berkata pihak-pihak yang ingin membawa balik Chin Peng ke Malaysia juga harus memikirkan sensitiviti anggota tentera dan penduduk pada zaman itu yang berjuang menentang kumpulan penganas itu.

Zainuddin berkata beliau turut merasa hairan bagaimana buku mengenai Chin Peng yang digambarkan sebagai wira dicetak di Singapura sedangkan negara itu turut menentang komunis.

"Saya tertanya-tanya bagaimana buku itu dicetak di Singapura sedangkan Lee Kuan Yew (Menteri Kanan Singapura) seorang yang antikomunis. Lim Kit Siang juga agak gigih supaya buku itu dibaca," katanya.

Beliau bagaimanapun tidak menyekat rakyat untuk membaca buku itu sebagai bahan sejarah tetapi mereka harus tahu untuk menilainya.

Zainudin turut menasihati pihak media agar tidak mempromosikan kepulangan Chin Peng ke Malaysia.

Chin Peng kini berada di Thailand setelah menandatangani satu perjanjian damai dengan kerajaan Malaysia pada tahun 1989 dan seterusnya membubarkan PKM.

-- BERNAMA

SSA AHH RHM